

20/02/2001

Urusan permohonan pulang pakar dipercepat

Norazmi Abdul Talib

MELAKA, Isnin - Kementerian Sumber Manusia akan memproses permohonan rakyat Malaysia di luar negara untuk pulang bekerja di negara ini dalam tempoh sebulan.

Menterinya, Datuk Dr Fong Chan Onn ketika memberi jaminan itu berkata, ia bagi memastikan mereka dapat pulang ke tanah air dan memberi sumbangan kepada pembangunan serta pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, tiada lagi kerenah birokrasi kerana kementeriannya sudah mempunyai urusetia menguruskan permohonan itu dengan segera.

Urusetia itu turut dianggotai wakil Unit Perancang Ekonomi; Kementerian Luar; Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar; Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kesihatan, Kementerian Tenaga Komunikasi dan Multimedia serta Lembaga Hasil Dalam Negeri.

"Kementerian serius menguruskan permohonan rakyat Malaysia di luar negara yang hendak pulang ke tanah air dan mereka akan mendapat jawapan dalam tempoh sebulan," katanya kepada pemberita selepas majlis makan malam bersama media massa di sini, malam tadi.

Menurut Dr Fong, website kementerian itu yang dilancarkan awal bulan ini, sudah menerima 20 permohonan rakyat Malaysia di luar negara hendak pulang bekerja di tanah air.

Katanya, 12 permohonan sudah diluluskan manakala baki permohonan belum diproses kerana maklumat tidak lengkap seperti tahap kelayakan serta pengalaman.

"Kementerian akan mendapatkan maklumat ini sebelum permohonan ini diluluskan.

"Permohonan ini adalah dari Brunei, United Kingdom dan Singapura yang mempunyai kepakaran dalam bidang perubatan, kejuruteraan dan teknologi maklumat," katanya.

Serentak itu, katanya, kementerian itu juga merancang mengiklankan borang permohonan bagi rakyat Malaysia pulang ke tanah air di majalah antarabangsa.

Mengenai Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Dr Fong berkata, kementeriannya akan mengadakan kempen serta seminar ICT dalam usaha meningkatkan kesedaran rakyat, terutama pekerja, mempelajari ICT.

Katanya, kempen ICT akan diadakan di setiap negeri lanjutan daripada Perhimpunan ICT untuk k-Ekonomi yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Stadium Putra, Bukit Jalil, Kuala Lumpur, kelmarin.

Selain itu, katanya, sempena kempen di peringkat negeri, kementeriannya akan mengadakan lebih seminar bagi memberi lebih banyak penerangan kepada generasi muda untuk mempelajari ICT.

"Antaranya ada pinjaman latihan kemahiran dengan pekerja atau penuntut boleh mendapatkan pinjaman RM5,000 untuk membayar kursus kemahiran ini," katanya.

Dr Fong berkata, kementeriannya melalui Majlis Pembangunan Sumber Manusia akan terus bekerjasama rapat dengan swasta supaya setiap majikan mengendalikan lebih banyak program dalam bidang teknologi maklumat (IT).

Katanya, program itu bertujuan menggalakkan kakitangan swasta menjadi pekerja berilmu serta berpengetahuan, termasuk dalam bidang IT.

"Kementerian Sumber Manusia juga sedang mengendalikan kursus IT untuk penuntut lepasan SPM dengan ditaja oleh majikan sektor swasta.

"Penuntut ini akan belajar selama lima bulan dan selepas terus bekerja

dengan swasta yang membiayai pengajian mereka," katanya.
(END)